

## **Fasa Pertama Elmina Green Seven Oleh Sime Darby Property Rekod 100% Kadar Pengambilan**

- Penambahan terbaru kepada Signature Series Bandar Elmina ini disambut dengan baik di pasaran, dengan semua 56 unit fasa pertama ditempah sewaktu pelancaran;
- Rumah kediaman Elmina Green Seven menawarkan pembeli fleksibiliti dan praktikaliti yang maksimum dengan kediaman bersaiz 24' x 80' serta halaman belakang yang luas.

**ARA DAMANSARA, 7 JUN 2023:** Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) terus kekal meningkatkan taraf pemilikan rumah dan kualiti hidup di Bandar Elmina dengan pelancaran terbarunya iaitu Elmina Green Seven. Kediaman *superlink* pegangan bebas pertama ini membentuk sebahagian daripada presint Elmina Green dan disambut dengan baik di pasaran dengan semua 56 unit fasa pertama ditempah sewaktu pelancarannya.

Dengan harga permulaan daripada RM1,032,888, penambahan terbaru kepada Signature Series di Bandar Elmina ini direka bagi memenuhi keperluan pelbagai generasi di bawah satu bumbung dengan mengutamakan keselesaan dan kesejahteraan mereka. Saiz lotnya yang luas berukuran 24' x 80' serta halaman belakang seluas 12 kaki berfungsi sebagai ruang tambahan untuk penghuni merealisasikan idea landskap mereka.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata pelancaran Elmina Green Seven merupakan bukti kecekalan Syarikat sebagai pemaju hartanah terunggul di Malaysia dalam mencipta produk yang memenuhi permintaan evolusi untuk ruang dan keselesaan, di samping menawarkan gaya hidup moden yang berdekatan dengan alam sekitar.

“Pada masa kini, lebih ramai pelanggan yang memilih rumah yang bukan sahaja menawarkan kualiti hidup yang tinggi malah boleh bertahan sepanjang hayat. Dengan Elmina Green Seven, kami memperkenalkan rumah yang menggabungkan keselesaan, akses dan versatiliti serta dikelilingi alam semula jadi di dalam perbandaran yang sudahpun terkemuka. Kami juga berbangga kerana dapat memenuhi jangkauan pasaran yang semakin tinggi melalui tawaran-tawaran yang inovatif. Sama ada anda sedang mencari perbandaran untuk menetap, bermain ataupun meneroka, Elmina Green Seven mempunyai semua yang anda perlukan,” kata Datuk Lai.

316 unit Elmina Green Seven memasuki pasaran perumahan dengan dua varian, setiap satu memenuhi keperluan gaya hidup berbeza. Rumah Jenis 3 menawarkan fleksibiliti dengan keluasan binaan 2,363 kaki persegi, empat bilik tidur dan empat bilik air peribadi, manakala rumah Jenis 4 menawarkan keluasan binaan 2,477 kaki persegi, 4+1 bilik tidur dan lima bilik air peribadi.

Rumah-rumah kediaman tersebut juga dilengkapi dengan pakej khas Fitting Plus+ yang termasuk penapis air luar rumah, pam penggalak bekalan air, pemanas air automatik, soket dan paip bagi penyaman udara di ruang-ruang terpilih serta pintu jeriji besi.

Selaras dengan pendapat bahawa tempat yang baik adalah selesa untuk didiami, bakal penduduk akan menikmati akses ke pelbagai kemudahan dan servis di Elmina Green Seven. Daripada taman permainan kanak-kanak, kawasan berkelah dan kecergasan serta laluan refleksologi, kepada gelanggang tenis, bola keranjang dan serbaguna, pasti ada sesuatu untuk semua nikmati di Elmina Green Seven.

Kawasan perumahan ini terletak berdekatan Elmina City Centre yang akan menempatkan Elmina Lakeside Mall dan Hub Pendidikan di masa akan datang. Taman Tasik Sakura seluas 21 ekar dan Tasik Infinity seluas lapan ekar juga terletak berhampiran. Bukan itu sahaja, para penduduk juga boleh menuju ke bandar-bandar utama seperti Kota Damansara dan Petaling Jaya dengan mudah.

Bandar Elmina merupakan perbandaran berorientasikan kesejahteraan yang berfungsi untuk meningkatkan tahap kesejahteraan para penduduknya. Semua penduduk mempunyai akses kepada pelbagai taman termasuk Elmina Central Park dengan saiz seluas 300 hektar, yang menggalakkan kesejahteraan fizikal dan mental. Perbandaran ini juga mempunyai taman permainan inklusif pertama di Malaysia yang dibina khas untuk semua golongan kanak-kanak. Tawaran gaya hidup komprehensif di Bandar Elmina dilengkapi dengan sistem perhubungan yang tiada tandingan melalui Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam ("DASH").

**-TAMAT SIARAN-**

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri hartanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju hartanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobatkan sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)